

1. Pengenalan

PASARAN BURUH MALAYSIA KEKAL STABIL PADA TAHUN 2024, SELARAS DENGAN PENGEMBANGAN EKONOMI, DICERMINKAN OLEH PENINGKATAN DALAM GUNA TENAGA DAN PENURUNAN BERTERUSAN DALAM PENGANGGURAN

Tahun 2024 merupakan tempoh yang dinamik bagi ekonomi global dan Malaysia, yang dicerminkan oleh kombinasi ketahanan, pemulihan serta penyesuaian berterusan terhadap landskap ekonomi yang terus berkembang. Meskipun pertumbuhan ekonomi global kekal sederhana dengan unjuran 3.2 peratus oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), ia masih dibelenggu oleh pelbagai cabaran berterusan seperti kadar inflasi yang tinggi dalam sektor Perkhidmatan, peralihan dasar monetari yang kompleks, ketegangan geopolitik yang memuncak, serta ketidaktentuan dalam perdagangan global¹. Di sebalik tekanan luaran ini, Malaysia berjaya mengekalkan momentum ekonomi yang positif, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, pemulihan sektor luaran dan pelaksanaan langkah dasar strategik. Prestasi pasaran buruh turut mencerminkan kestabilan ekonomi ini, dengan penambahbaikan yang konsisten direkodkan sepanjang tahun. Negara turut mendapat manfaat daripada pelbagai inisiatif kerajaan yang proaktif dalam merangsang peluang pekerjaan dan menggalakkan aktiviti perniagaan. Antara pemacu utama kepada pertumbuhan ini termasuk aktiviti pelanconga yang rancak, pengembangan industri elektrik dan elektronik (E&E) serta semikonduktor, di samping peningkatan pelaburan langsung asing. Perkembangan ini telah menyokong permintaan buruh yang lebih tinggi merentasi pelbagai sektor, sekali gus mendorong kepada tahap guna tenaga yang lebih tinggi dan penurunan dalam pengangguran.

Pada awal tahun 2024, tenaga buruh Malaysia menunjukkan daya tahan yang ketara, dipacu oleh situasi ekonomi yang menggalakkan serta pemulihan sektor-sektor utama. Salah satu penyumbang utama kepada trend ini ialah peningkatan penyertaan tenaga buruh perempuan yang telah melepasi paras prapandemik. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh akses yang lebih meluas kepada kaedah kerja yang fleksibel, hasil daripada transformasi digital dan kemajuan teknologi yang membolehkan lebih ramai individu, khususnya perempuan yang mempunyai tanggungjawab keluarga, untuk melibatkan diri dalam pekerjaan yang produktif.

Bulan-bulan pada awal tahun turut mendapat manfaat hasil daripada sambutan perayaan bermusim dan kebudayaan yang meriah, khususnya bulan Ramadan dan Aidilfitri, yang secara signifikan merangsang aktiviti pengguna dan meningkatkan daya hidup ekonomi secara keseluruhan. Perayaan ini telah mendorong permintaan tinggi terhadap barangan dan perkhidmatan, terutamanya dalam industri makanan dan minuman (F&B), peruncitan, hospitaliti dan sektor informal, seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan sementara dan tetap. Para usahawan, khususnya perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), mengambil peluang daripada permintaan semasa dengan memperkenalkan produk baharu, mewujudkan platform atas talian, serta membuka gerai sementara di bazar-bazar, sekali gus menyumbang kepada perkembangan aktiviti perniagaan dan pertumbuhan pasaran buruh. Selain itu, faktor ekonomi dan sosial ini turut menyumbang kepada prestasi tenaga buruh yang menggalakkan dan inklusif pada suku pertama 2024.

Selain itu, pelbagai inisiatif yang diterajui oleh kerajaan seperti karnival kerjaya, program pembangunan kemahiran dan platform padanan pekerjaan telah dilaksanakan di seluruh negara bagi memenuhi keperluan pasaran buruh dan menyokong pencari kerja. Usaha-usaha ini memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang kemahiran, meningkatkan kebolehpasaran pekerjaan serta menggalakkan penyertaan tenaga kerja yang inklusif. Tumpuan kerajaan dalam memperkasa sektor PMKS melalui peruntukan belanjawan yang disasarkan serta penglibatan serantau seperti penganjuran Malaysia Fest 2024 di Singapura turut menyumbang kepada pewujudan pekerjaan dan pembangunan perusahaan².

Pada tempoh pertengahan tahun 2024 menyaksikan peningkatan pelaburan dalam projek pembangunan negara, yang telah merangsang pertumbuhan sektor-sektor utama seperti Pertanian, Pelancongan dan Pembuatan. Penganjuran pameran antarabangsa seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan

¹ <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2024/04/09/malaysia039s-labour-market-seen-remaining-stable-with-jobless-rate-at-32-in-2024>

² https://cbre-wtw.com.my/wp-content/uploads/2024/08/1H-2024-Snapshot_Klang-Valley_Final-Clean.pdf

Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 telah memainkan peranan penting dalam mempromosikan industri berasaskan agro, sekali gus membuka 5,556 peluang pekerjaan melalui platform seperti Agro Job Fair³. Momentum positif ini berterusan ke separuh tahun kedua, disokong oleh kemasukan pelaburan asing yang kukuh yang antaranya termasuk penubuhan syarikat semikonduktor dari Amerika Syarikat di Pulau Pinang yang mewujudkan 3,000 peluang pekerjaan baharu⁴ dan pelancaran projek ekonomi digital berskala besar bernilai RM254.7 bilion yang dijangka menyediakan 159,000 peluang pekerjaan. Begitu juga, pelaburan tambahan sebanyak RM30.1 bilion dalam projek semikonduktor di Kedah turut mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantai nilai pembuatan berteknologi tinggi⁵.

Menjelang akhir tahun 2024, negara telah berdepan dengan gangguan semula jadi luar jangka, khususnya insiden banjir besar di negeri-negeri Pantai Timur yang telah memberi kesan buruk kepada sektor Pertanian dan menyebabkan kerosakan infrastruktur tempatan yang ketara. Rentetan itu, kerajaan telah bertindak segera dengan melaksanakan mekanisme sokongan serta menggesa majikan untuk memastikan hak pekerja terus dipelihara, terutamanya di kawasan yang terjejas banjir. Pada masa yang sama, musim perayaan dan cuti sekolah hujung tahun pada bulan Disember telah merancakkan aktiviti dalam sektor runcit dan pelancongan, yang menyumbang kepada lonjakan kehadiran pengunjung di kawasan komersial serta merangsang permintaan terhadap tenaga kerja dalam sektor perkhidmatan berkaitan. Faktor bermusim ini, ditambah dengan kemasukan pelaburan berterusan serta prestasi eksport yang memberangsangkan, terus menyumbang kepada pertumbuhan guna tenaga dan memperkukuhkan daya tahan pasaran buruh Malaysia pada suku akhir tahun tersebut. Secara keseluruhannya, situasi pasaran buruh pada tahun 2024 kekal stabil, selaras dengan pengembangan ekonomi, yang dicerminkan oleh peningkatan guna tenaga dan penurunan berterusan dalam pengangguran.


Bagi indikator ekonomi, Indeks Pelopor (IP) Malaysia menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang memberangsangkan pada November 2024 apabila mencatatkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus tahun ke tahun kepada 112.6 mata dan mencatatkan peningkatan bulanan sebanyak 1.1 peratus setelah tiga bulan berturut-turut merekodkan penurunan. Meskipun indeks ini masih berada sedikit di bawah garis trend jangka panjang, perubahan positif ini mencerminkan keyakinan ekonomi yang semakin pulih. Peningkatan ini disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, sentimen perniagaan yang bertambah baik, serta pemulihan permintaan global, khususnya bagi produk berteknologi tinggi dan semikonduktor yang merupakan antara pemacu utama eksport Malaysia. Perkembangan positif ini memberi petunjuk kepada prospek ekonomi yang lebih optimistik dan isyarat kepada potensi pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan serta mengukuhkan pasaran buruh menjelang tahun 2025.

³ <https://www.utusan.com.my/pilihan-utusan/2024/09/5556-peluang-kerja-menant-belia-di-maha-2024/>

⁴ <https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/korporat/2024/11/1322930/firma-dexcom-labur-rm283-bilion-buka-kilang-di-pulau-pinang>

⁵ https://www.astroawani.com/berita-bisnes/pelbagai-perencanaan-strategik-lonjakan-ekonomi-sepanjang-2024-pm-anwar-501690?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20241231+News-KeyWord-ekonomi+malaysia

2. Konsep dan Definisi




3. Tenaga Buruh

KPTB meningkat 0.6 mata peratus kepada rekod tertinggi yang baharu iaitu 70.6 peratus

Tenaga buruh Malaysia kekal pada trajektori menaik pada tahun 2024, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus, bersamaan dengan pertambahan sebanyak 536.6 ribu orang. Selaras dengan itu, bilangan tenaga buruh meningkat kepada 16.90 juta orang, berbanding 16.37 juta orang pada tahun 2023. Seiring dengan trend positif ini, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat sebanyak 0.6 mata peratus kepada paras tertinggi baharu iaitu 70.6 peratus (2023: 70.0%), seperti ditunjukkan dalam **Paparan 1**.


Paparan 1: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 2023 dan 2024



Pada tahun 2024, tenaga buruh terus menunjukkan pertumbuhan positif bagi kedua-dua jantina. Tenaga buruh lelaki meningkat sebanyak 3.9 peratus, mencatatkan pertambahan 395.6 ribu orang kepada 10.58 juta (2023: 10.19 juta orang). Begitu juga, tenaga buruh perempuan turut merekodkan peningkatan 2.3 peratus (+141.0 ribu orang), menjadikan jumlah kepada 6.32 juta orang. Selaras dengan pertumbuhan ini, KPTB lelaki meningkat sebanyak 0.7 mata peratus kepada 83.0 peratus (2023: 82.3%), manakala KPTB perempuan naik sebanyak 0.3 mata peratus kepada 56.5 peratus (2023: 56.2%).


Mengikut kumpulan umur, golongan berumur 25 hingga 34 tahun mencatatkan KPTB tertinggi iaitu pada 86.7 peratus, manakala kumpulan umur 15 hingga 24 tahun merekodkan kadar terendah pada 47.1 peratus. Kumpulan umur 35 hingga 44 tahun berada di kedudukan kedua dengan peningkatan sebanyak 0.3 mata peratus kepada 85.5 peratus, diikuti oleh kumpulan umur 45 hingga 54 tahun dengan kadar 77.3 peratus. Sementara itu, mengikut jantina, KPTB lelaki tertinggi dicatatkan dalam kalangan mereka yang berumur 35 hingga 44 tahun, iaitu sebanyak 98.5 peratus. Bagi perempuan, KPTB tertinggi direkodkan dalam kalangan umur 25 hingga 34 tahun, dengan peningkatan 0.5 mata peratus kepada 76.4 peratus **[Carta 1]**.

Carta 1: Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, 2023 dan 2024



Sepanjang tahun tersebut, kumpulan umur 25 hingga 29 tahun menyumbang komposisi terbesar keseluruhan tenaga buruh, merangkumi 15.5 peratus atau bersamaan 2.62 juta orang, diikuti oleh kumpulan umur 30 hingga 34 tahun sebanyak 15.3 peratus (2.58 juta orang), dan kumpulan umur 35 hingga 39 tahun sebanyak 14.3 peratus (2.42 juta orang), seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 2**.

Carta 2: Tenaga buruh mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2023 dan 2024




4. Penduduk Bekerja

Bilangan penduduk bekerja terus mencatatkan pertumbuhan, mencecah 16.37 juta orang

Pada tahun 2024, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 3.5 peratus (+556.0 ribu orang), mengekalkan trend menaik merekodkan 16.37 juta orang berbanding 15.81 juta orang pada tahun sebelumnya. Sehubungan itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, meningkat sebanyak 0.7 mata peratus tahun ke tahun, daripada 67.7 peratus kepada 68.4 peratus.


Dari sudut sektoral, guna tenaga kekal didominasi oleh sektor Perkhidmatan yang terus mencatatkan trend peningkatan dan merangkumi 65.6 peratus daripada jumlah guna tenaga. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan sebanyak 16.3 peratus dan sektor Pertanian sebanyak 9.0 peratus. Selain itu, sektor Pembinaan mencatatkan 8.5 peratus daripada jumlah guna tenaga, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian menyumbang sumbangan terkecil iaitu 0.5 peratus, seperti ditunjukkan dalam **Paparan 2**.

Paparan 2: Penduduk bekerja mengikut sektor, Malaysia, 2023 dan 2024




Dari segi pencapaian pendidikan, individu berpendidikan menengah merangkumi sumbangan terbesar daripada jumlah penduduk bekerja pada tahun 2024, meliputi 54.7 peratus. Kategori ini meningkat sebanyak 4.6 peratus kepada 8.95 juta orang berbanding 8.56 juta orang pada tahun 2023. Sementara itu, mereka yang memiliki pendidikan tertiar merangkumi 34.9 peratus daripada jumlah penduduk bekerja, meningkat sebanyak 1.9 peratus kepada 5.72 juta orang berbanding 5.61 juta orang pada tahun sebelumnya. Guna tenaga dalam kalangan mereka yang berpendidikan rendah mencatatkan 8.2 peratus, dengan peningkatan sebanyak 6.0 peratus kepada 1.34 juta orang (2023: 1.27 juta orang). Sebaliknya, bilangan penduduk bekerja yang tiada pendidikan rasmi menurun sebanyak 5.8 peratus kepada 356.4 ribu orang, merangkumi lebih 2.2 peratus daripada keseluruhan (2023: 378.2 ribu orang), seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 3**.

Paparan 3: Penduduk bekerja mengikut pencapaian pendidikan, Malaysia, 2023 dan 2024




Berdasarkan taraf pekerjaan, kategori pekerja merupakan kumpulan terbesar dalam kalangan penduduk bekerja pada tahun 2024, merangkumi 78.5 peratus. Kategori ini mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 3.5 peratus kepada 12.86 juta orang berbanding 12.42 juta orang pada tahun 2023. Penduduk bekerja sendiri pula menyumbang 15.4 peratus daripada jumlah guna tenaga, meningkat kepada 2.52 juta orang (2023: 2.38 juta orang). Kategori majikan yang merangkumi 3.7 peratus daripada jumlah penduduk bekerja juga mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.5 peratus kepada 609.8 ribu orang (2023: 578.2 ribu orang). Sebaliknya, bilangan pekerja keluarga tanpa gaji yang mewakili 2.4 peratus daripada jumlah penduduk bekerja terus mencatatkan trend penurunan, susut sebanyak 12.4 peratus kepada 385.6 ribu orang berbanding 440.3 ribu orang pada tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 3**.

Carta 3: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 2023 dan 2024



Dari segi tahap kemahiran, majoriti penduduk bekerja tertumpu dalam kategori pekerjaan separuh mahir, merangkumi 56.5 peratus atau 9.26 juta orang. Pekerjaan mahir meliputi 30.2 peratus (4.94 juta orang), manakala pekerjaan berkemahiran rendah mewakili lebih 13.3 peratus (2.17 juta orang). Dari segi pertumbuhan tahunan, guna tenaga dalam pekerjaan separuh mahir terus meningkat sebanyak 2.3 peratus, berbanding 3.1 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, guna tenaga dalam pekerjaan berkemahiran rendah merekodkan pertumbuhan sebanyak 10.9 peratus (2023: 11.7%), manakala pekerjaan mahir mencatatkan peningkatan sebanyak 2.8 peratus (2023: 4.0%), seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 4**.


Carta 4: Penduduk bekerja mengikut tahap Kemahiran, Malaysia, 2023 dan 2024



Bekerja kurang dari 30 jam seminggu, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa dan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran


Penduduk bekerja yang bekerja kurang 30 jam seminggu merujuk kepada mereka yang bekerja kurang 30 jam pada minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerana kerja yang tidak mencukupi. Berdasarkan tinjauan pada tahun 2024, prestasi ekonomi Malaysia kekal kukuh, sekali gus menyumbang kepada daya tahan pasaran buruh dan peningkatan dalam keseluruhan guna tenaga. Sehubungan itu, bilangan penduduk bekerja yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu mencatatkan penurunan ketara sebanyak 6.1 peratus atau bersamaan 13.8 ribu orang merekodkan 212.5 ribu orang (2023: 226.3 ribu orang). Kumpulan ini merangkumi 1.3 peratus daripada jumlah guna tenaga, dengan mencatatkan penurunan sebanyak 0.1 mata peratus berbanding 1.4 peratus pada tahun sebelumnya, seperti ditunjukkan dalam **Carta 5**.

Carta 5: Penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu, Malaysia, 2015 - 2024




Sejajar dengan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa pada tahun 2024 merekodkan penurunan yang kecil sebanyak 0.1 mata peratus kepada 0.8 peratus (2023: 0.9%). Ini menunjukkan pengurangan sebanyak 9.1 peratus atau 12.5 ribu orang, menjadikan jumlah keseluruhan seramai 125.1 ribu orang (2023: 137.5 ribu orang). Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa merujuk kepada individu yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu disebabkan oleh sifat pekerjaan atau kekurangan kerja, serta berkeupayaan dan bersedia untuk bekerja lebih banyak jam **[Carta 6]**.

Carta 6: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, Malaysia, 2015 - 2024



Ketidakpadanan pekerjaan lazimnya merujuk kepada situasi di mana seseorang bekerja dalam jawatan yang memerlukan tahap kemahiran yang lebih rendah berbanding kelayakan pendidikan yang dimilikinya. Oleh itu, situasi ini ditunjukkan melalui indikator guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, yang mengukur bilangan individu berpendidikan tertiar tetapi bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Pada tahun 2024, bilangan penduduk dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran meningkat sebanyak 1.3 peratus, dengan pertambahan seramai 26.8 ribu orang kepada jumlah keseluruhan 2.06 juta orang (2023: 2.03 juta orang). Walaupun berlaku peningkatan dari segi bilangan, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran terus menunjukkan penurunan, iaitu berkurang sebanyak 0.2 mata peratus kepada 36.1 peratus berbanding 36.3 peratus pada tahun sebelumnya, seperti ditunjukkan dalam **Carta 7**.

Carta 7: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, Malaysia, 2015 - 2024



Selari dengan perkembangan ekonomi yang positif, pengoperasian semula aktiviti ekonomi dan sosial secara menyeluruh telah mengalakkan penyertaan yang lebih besar dalam pasaran buruh. Oleh itu, bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu mencatatkan pengurangan sebanyak 7.1 peratus, iaitu penurunan sebanyak 5.2 ribu orang kepada 68.3 ribu orang pada tahun 2024 (2023: 73.5 ribu orang).


5. Pengangguran

Kadar pengangguran pada 2024 terus mencatatkan penurunan kepada 3.2 peratus

Kadar pengangguran pada tahun 2024 terus dengan trend penurunannya, berkurang sebanyak 0.2 mata peratus kepada 3.2 peratus, berbanding 3.4 peratus pada tahun 2023. Peningkatan ini juga mencatatkan kadar yang lebih rendah berbanding kadar prapandemik iaitu 3.3 peratus yang direkodkan pada tahun 2019. Susulan itu, bilangan penganggur menurun sebanyak 3.5 peratus kepada 534.1 ribu orang (2023: 553.4 ribu orang).


Dari segi kategori pengangguran, mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif, mewakili 76.5 peratus daripada jumlah penganggur. Kumpulan ini mencatatkan penurunan sebanyak 3.2 peratus, dengan jumlah keseluruhan seramai 408.8 ribu orang (2023: 422.4 ribu orang). Berdasarkan tempoh pengangguran, 62.8 peratus daripada penganggur aktif menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 6.3 peratus berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Sementara itu, penganggur tidak aktif, atau mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia, merekodkan penurunan kecil sebanyak 4.4 peratus, mencatatkan seramai 125.3 ribu orang (2023: 131.1 ribu orang) seperti ditunjukkan dalam **Carta 8**.

Carta 8: Kategori penganggur dan tempoh menganggur, Malaysia, 2023 dan 2024




Perbandingan mengikut jantina, kadar pengangguran menurun sebanyak 0.2 mata peratus bagi kedua-dua lelaki dan perempuan, masing-masing kepada 3.1 peratus (2023: 3.3%) dan 3.3 peratus (2023: 3.5%). Selaras dengan itu, bilangan penganggur mencatatkan trend penurunan, iaitu penganggur lelaki menurun sebanyak 3.5 peratus kepada 327.1 ribu orang manakala penganggur perempuan berkurang sebanyak 7.5 peratus kepada 207.0 ribu orang (2023: 338.9 ribu orang; 214.5 ribu orang) [**Carta 9**].

Carta 9: Penganggur dan kadar pengangguran mengikut jantina, Malaysia, 2015 - 2024



Seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 10**, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun merekodkan penurunan sebanyak 0.7 mata peratus kepada 10.3 peratus, mencatatkan bilangan belia menganggur seramai 284.7 ribu orang (2023: 11.0%; 297.0 ribu orang). Begitu juga, bilangan penganggur bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun menurun sebanyak 6.5 peratus kepada 389.2 ribu orang (2023: 6.7%; 392.6 ribu orang). Selari dengan trend ini, kadar pengangguran bagi golongan dewasa berumur 25 hingga 64 tahun turut menurun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 1.8 peratus, dengan 249.4 ribu penganggur (2023: 1.9%; 256.5 ribu orang).

Carta 10: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, Malaysia, 2015 - 2024




6. Luar tenaga buruh

Perempuan terus mendominasi komposisi penduduk luar tenaga buruh


Berbeza dengan penurunan yang direkodkan pada tahun sebelumnya, bilangan penduduk luar tenaga buruh pada tahun 2024 mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak 0.4 peratus, pertambahan sebanyak 24.5 ribu orang kepada 7.02 juta orang (2023: 7.0 juta orang). Perempuan terus mendominasi komposisi penduduk di luar tenaga buruh, merangkumi 69.2 peratus daripada jumlah keseluruhan, manakala lelaki menyumbang lebih 30.8 peratus. Bilangan perempuan dalam kategori ini meningkat sebanyak 1.0 peratus kepada 4.86 juta orang berbanding 4.81 juta orang pada tahun 2023. Sebaliknya, bilangan lelaki dalam kategori ini menurun sebanyak 1.1 peratus, turun kepada 2.16 juta orang berbanding 2.19 juta orang pada tahun sebelumnya, seperti ditunjukkan dalam **Carta 11**.

Carta 11: Penduduk luar tenaga buruh mengikut jantina, Malaysia, 2023 dan 2024



Mengikut kumpulan umur, kumpulan 15 hingga 24 tahun kekal sebagai penyumbang terbesar dalam luar tenaga buruh (44.4%). Dalam kumpulan ini, perempuan merangkumi 24.2 peratus manakala lelaki menyumbang 20.2 peratus daripada jumlah keseluruhan, seperti ditunjukkan dalam **Carta 12**.


Carta 12: Penduduk luar tenaga buruh mengikut Kumpulan umur dan jantina, Malaysia, 2023 dan 2024



Sumbangan terbesar luar tenaga buruh disebabkan oleh kerja rumah/ tanggungjawab keluarga

Penyumbang terbesar luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga sebanyak 43.1 peratus, diikuti oleh kategori bersekolah/ latihan yang merangkumi 41.3 peratus, seperti ditunjukkan dalam **Paparan 4**.

Paparan 4: Peratus sumbangan penduduk luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, Malaysia, 2023 dan 2024




7. Indikator Terpilih Mengikut Negeri

KPTB, kadar pengangguran dan kadar guna tenaga berkaitan kemahiran mengikut negeri


Semua negeri menunjukkan trend menaik dalam KPTB sepanjang tahun, menunjukkan peningkatan penyertaan dalam pasaran buruh. KPTB tertinggi direkodkan di W.P. Putrajaya iaitu 78.7 peratus, diikuti oleh Selangor (77.9%), W.P. Kuala Lumpur (75.4%), Pulau Pinang (72.0%), dan Johor (71.6%) seperti yang dipaparkan dalam **Carta 13**.

Carta 13: Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri, 2023 dan 2024




Dari segi kadar pengangguran, sepuluh negeri mencatatkan penurunan. W.P. Putrajaya mencatatkan kadar pengangguran terendah iaitu pada 1.1 peratus, diikuti oleh Melaka pada 1.6 peratus, serta Pahang dan Pulau Pinang masing-masing pada 2.0 peratus. Sebaliknya, enam negeri merekodkan kadar pengangguran yang melebihi paras nasional sebanyak 3.2 peratus, iaitu Sabah (7.6%), W.P. Labuan (6.5%), Perlis (4.1%), Kelantan (3.6%), Perak (3.6%) dan Sarawak (3.4%), seperti yang dipaparkan di **Carta 14**.

Carta 14: Kadar pengangguran mengikut negeri, 2023 dan 2024



Selain itu, bagi kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut negeri, enam negeri mencatatkan kadar yang lebih rendah berbanding paras nasional pada 36.1 peratus. Negeri-negeri tersebut adalah W.P. Kuala Lumpur dengan kadar terendah sebanyak 18.6 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (26.5%), Negeri Sembilan (31.3%), W.P. Putrajaya (32.1%), Johor (33.4%) dan Perak (34.7%). Sebaliknya, negeri Kelantan merekodkan kadar tertinggi iaitu sebanyak 52.3 peratus, diikuti oleh Terengganu (45.8%) dan Pahang (44.5%), seperti ditunjukkan dalam **Carta 15**.

Carta 15: Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan Kemahiran mengikut negeri, 2023 dan 2024



8. Menuju ke Hadapan

Ekonomi Malaysia pada 2024 berkembang lebih pesat, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan pemulihan eksport yang disokong oleh aktiviti pelaburan yang berterusan dan perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan⁶. Berdasarkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Tahunan, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1 peratus pada 2024, meningkat daripada 3.5 peratus setahun sebelumnya⁷. Peningkatan ini terutamanya adalah disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Walaupun berdepan halangan luaran yang berterusan, prospek ekonomi Malaysia akan terus disokong oleh permintaan domestik, pelaksanaan projek infrastruktur yang berterusan, pelaburan asing yang komited dan inisiatif pekerjaan oleh kerajaan. Tambahan lagi, permintaan domestik yang kukuh terus memacu pertumbuhan sejajar dengan kedudukan guna tenaga yang lebih baik.

Sejajar dengan perkembangan ini, pasaran buruh Malaysia menunjukkan prestasi yang stabil sepanjang tahun 2024. Kadar pengangguran kekal rendah, dengan penurunan bilangan penganggur, manakala guna tenaga terus berkembang dengan kukuh. Prestasi positif ini sebahagiannya adalah dipengaruhi oleh permintaan buruh yang mampan dalam pelbagai sektor, terutamanya dalam sektor swasta, yang mengalami peningkatan dalam peluang pekerjaan.

⁶ https://www.reuters.com/markets/asia/malaysias-economy-ends-2024-high-note-amid-strong-investment-domestic-spending-2025-02-14/?utm_source=chatgpt.com
⁷ Annual Gross Domestic Product 2015 - 2024

Selain itu, peningkatan pelaburan dalam infrastruktur dan industri-industri utama turut menyumbang kepada penciptaan peluang pekerjaan. Pada masa yang sama, penggunaan domestik yang kukuh menyokong pertumbuhan perniagaan serta terus menggalakkan peningkatan paras guna tenaga. Tambahan pula, peningkatan pelaburan langsung asing (FDI) telah mendorong lebih banyak syarikat multinasional untuk menubuhkan operasi di Malaysia, sekali gus memperkukuh lagi prospek pekerjaan bagi tenaga kerja tempatan.

Memandang ke hadapan ke tahun 2025, ekonomi Malaysia dijangka menunjukkan pertumbuhan sederhana, dengan KDNK meningkat sebanyak 4.6 peratus, pada suku pertama tahun ini, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh dan pertumbuhan berterusan dalam pelaburan⁸. Selain itu, peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 juga dijangka memberi pengaruh positif kepada pasaran buruh negara dengan memupuk peningkatan pelaburan, memajukan pembangunan luar bandar, kemahiran tenaga kerja, dan industri halal. Malaysia juga akan memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar melalui inisiatif seperti *ASEAN Village Network* (AVN), yang akan mempromosikan produk luar bandar di seluruh ASEAN, sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan dan memperkasa pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar.

Di samping itu, kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif strategik untuk memastikan kestabilan pasaran buruh menjelang 2025, termasuk peruntukan sebanyak RM25.3 bilion kepada sektor pendidikan dan latihan vokasional untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dan langkah-langkah seperti skim persaraan mampan yang lebih strategik dan pengurusan gaji minimum yang diperkenalkan untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja⁹. Fasa seterusnya melibatkan mempelbagaikan peluang pekerjaan melalui hubungan perdagangan yang lebih baik dengan negara lain, yang boleh membantu pasaran buruh Malaysia dengan mewujudkan peluang pekerjaan baharu bagi mereka yang terjejas dan menawarkan insentif kepada majikan untuk mengekalkan pekerja sedia ada dan mengambil pekerja baharu. Justeru, prospek ini mencerminkan prospek ini mencerminkan sokongan kepada kedudukan pasaran buruh negara yang optimistik, walaupun berdepan ketidakpastian ekonomi global.

⁸ <https://www.nst.com.my/business/economy/2025/05/1216957/malaysias-q1-2025-gdp-grows-44pct-led-consumer-spending-and>

⁹ <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ekonomi-malaysia-2025-dijangka-kukuh-ini-7-faktor-pemacu-pertumbuhan-508592>